

# Patani Mingguan

HIMPUNAN BERITA DAN ARTIKLE MINGGUAN PATANI

KELUARAN MADRASAH KEWARTAWANAN SEMPADAN SELATAN (DSJ) # DEEP SOUTH WATCH (DSW)

NEWSLETTER



## Berlatih murid berkomunikasi sejarah kampung sendiri

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6514>

Institut Kenan Asia adakan projek Pemuda Harapan Kampung matlamat kanak-kanak di wilayah selatan mempunyai keupayaan untuk berkomunikasi cerita dalam masyarakat mereka sendiri. projek ini di ikuti oleh 18 murid dari 6 buah sekolah kerajaan di wilayah Pattani

Projek ini adalah untuk memberi pengetahuan dan pengajaran kanak-kanak untuk berkomunikasi menyedari kepentingan tempat bersejarah yang wujud dalam masyarakat dengan secara bertulis terutama menulis cerita terdapat dalam masyarakat. Ia adalah satu peluang bagi masyarakat untuk bersama-sama menetapkan arah masyarakat di masa depan.

Pelajar yang mengambil bahagian dalam projek ini berkata mereka dan kawan-kawan dapat mengenali apa yang berharga dalam masyarakat dan akan usaha untuk berkomunikasi tentang masyarakat mereka sendiri untuk mengenali orang lain.

## himpun maklumat perlindungan kanak2 menurut aturan antarabangsa

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6515>

27 organisasi himpulkan maklumat untuk menyelesaikan masalah keselamatan terhadap kanak2 dan belia remaja yang mana di mengadakan oleh Jabatan pemerhatian dibawah kementerian Kehakiman.

“Jabatan kehakiman berkerjasama untuk himpulkan maklumat membaiki keganasan terhadap kanak2 dan belia remaja untuk menyatu, membetul dan menyelaraskan kerja dalam menggunakan undang2 di kawasan in agar dapat menyelesaikan masalah di sempadan ini” kata encik Wirayut Sukarent rector pemerhatian dan perlindungan kanak2 .

Seterus itu jabatan pemerhatian akan membuka klinik keluarga bahagia sebagai hadiah menyambut tahunbaru untuk jadi tempat rujukan seluruh negara sepaya keluarga dan kanak2 yang terlibat bulih berhubung secara langsung dengan ahli undang2.

## Patani Mingguan

Editor's  
Talk



berkomunikasi adalah satu aktiviti yang amat penting bagi masyarakat melayu Patani dimasa sekarang, bukan sahaja untuk badan2 yang dimunculkan di sana sini tapi untuk semua lapisan rakyat.

Ini oleh kerana jika dilihat pada media massa walaupun didaerah atau peringkat negara ia terdapat maklumat yang dikatakan ‘big issue’ sahaja, yang bermakna kekerasan, yang di ikuti mereka, sedangkan informasi masyarakat, budaya dan kegiatan rakyat sangat rendah kepentingan semua media. Oleh itu terlihatlah badan2 pertubuhan rakyat selalu menitik berat hal komunikasi dalam setiap lapisan ahli masyarakat.

PATANI MINGGUAN bilangan ini mengandungi satu artikel dari pengalaman seorang yang berperanan tinggi menjalankan proses damai bagi selatan Thai. ia menggambarkan jejak langkah dari awal perbincangan dan gerakkan untuk menyelesaikan perselisihan di Patani, yang mana proses damai masih di tunggu lagi rakyat Patani dalam kelim kabut politik Siam.

Tujuan kami adalah menyebarkan berita dan maklumat dari Patani keseluruhan tanah melayu, maka dengan penuh harapan semoga pekerjaan kami dapat sambutan dengan baik.

Saronee Duereh  
Editor PATANI MINGGUAN  
saronee.d@dsjgroup.org



## **Jiraporn Bunnag : Pengalaman dan Pengajaran Proses Damai**

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/node/6536>

*Jiraporn Bunnag, mantan timbalan setiausaha Majlis Keselamatan Negera (MKN) Thailand, mencurahkan pengalaman beliau dalam kerja perdamaian dalam proses Track1. Beliau mengimbas kembali cerita perbincangan antara kerajaan Thai dengan gerakan pembebasan Patani yang bermula daripada Proses Geniva sehingga kepada proses perundingan di KL.*

**“mesti membahagiakan mereka diatas bumi mereka sendiri”**

Puan Jiraporn juga mengatakan bahawa beliau selalu mengikuti kerja dengan badan-badan keamanan, sama ada di bahagian dasar kerajaan seperti majlis keselamatan Negara (MKN) dan di bahagian pelaksanaan seperti dalam tentera, pentadbir awam dan polis. Kebetulan pula beliau lebih berminat dalam soal hak asasi manusia, maka beliau juga termasuk dalam Jawatan kuasa kecil pelaksanaan strategi bahagian hak asasi manusia dalam kawasan wilayah sempadan selatan.

Puan Jiraporn percaya bahawa keamanan rakyat tidak akan lahir dengan sendirinya, jika tidak ada kesedaran terhadap peri pentingnya hak kebebasan, hak asasi manusia dan maruah kemanusiaan yang saksama. Jika perkara-perkara seperti ini tidak wujud maka jangan harap akan lahirnya keamanan pada rakyat dan Negara.

“kita harus memberikan orang-orang muslim hidup dengan cara muslim dan menekankan bahawa identiti atau jati diri orang tempatan itu sangat penting. Oleh kerana itu, mesti membuatkan mereka rasa gembira dan senang hati dengan muslimnya didalam kawasan mereka sendiri dan diatas bumi mereka sendiri”.

**Titik permulaan perbincangan, Peranan HDC dan Proses Geniva**

Puan Jiraporn menceritakan latarbelakang terhadap proses penyelesaian masalah di selatan yang berlangsung dalam Track1 atau kumpulan pemimpin. Iaitu ia bermula pada akhir tahun 2005 ketika beliau memegang jawatan sebagai timbalan setiausaha Majlis Keselamatan Negera, ketika itu Center for Humanitarian Dialogue atau nama ringkasnya HDC yang ibu pejabatnya di Geniva, Switzerland dan telah mengeluarkan pembiayaan bagi menguruskan proses perbincangan dalam kawasan yang berkonflik.

Seterusnya Puan Jiraporn mengatakan bahawa; HDC berminat terhadap masalah di selatan dan telah menghubungi pimpinan kerajaan ketika itu iaitu Perdana Menteri Thaksin Chinnawatra untuk bertugas dalam kawasan, yang mana PM Thaksin menyarankan supaya berhubung dengan Setiausaha MKN pada ketika itu iaitu Jeneral Winai Pattiyakul dan pihak MKN tidak ada masalah dan membenarkan HDC untuk menguruskan dalam soal ini.

“ketika itu setiausaha MKN telah menyerahkan mandat itu kepada saya sebagai ketua delegasi dalam menjalankan perbincangan dengan satu kumpulan yang mana pihak HDC menyatakan bahawa mereka adalah dari orang-orang di wilayah selatan dan mewakili organisasi perjuangan, dengan jumlah setiap pihak 4 orang. Kumpulan delegasi perbincangan kali ini dianggap sebagai Track 1 ketika itu dan menamakan perbincangan itu sebagai Proses Geniva”.

**Dua kumpulan PULO dan BIPP diatas meja perbincangan**

Puan Jiraporn mengatakan, perbincangan dengan delegasi tersebut pada kali pertama bermula di Geniva. Perbincangan di ketuai oleh Kasturi Mahkota, kumpulan Shamsudin Khan juga daripada PULO tetapi perbincangannya berasingan. “perbincangan ketika itu berjalan dengan sembunyi-sembunyi tidak dibuka kepada umum, yang mana ketika itu wakil kumpulan gerakan tidak ada kumpulan BRN tetapi ada daripada kumpulan BIPP yang lebih cenderung kepada ulama atau yang arif tentang agama”.

Puan Jiraporn menggambarkan bahawa; daripada perbincangan di Geneva didapati bahawa tidak sedikitpun menyentuh

dalam soal perbincangan damai, kerana kedua-ke-dua pihak hanya menyentuh masalah masing-masing sahaja, dan wakil kumpulan BIPP menekankan bahawa jika ingin meneruskan perbincangan damai, maka tidak harus membincangkan hanya dengan satu kumpulan kerana masih banyak lagi kumpulan yang ada.

**Kegagalan dan penarikan diri kumpulan BIPP**

“pada pertengahan tahun 2007 semasa Jeneral Surayut Chulanont menjadi Perdana Menteri, Ustaz daripada BIPP telah menarik diri daripada perbincangan. Yang mana sebenarnya beliau sangat rapat dengan Ustaz Hasan Taib dan menjadi penasihat kepada Ustaz Hasan serta seorang Doktor yang menjadi kumpulan kerjanya. Yang mana kedua-dua mereka ini kemudiannya telah terlibat langsung dengan proses Track 1 pada masa sekarang” jelas Puan Jiraporn.

Pada akhir tahun 2007 atau awal tahun 2008, pihak atasan dalam kerajaan telah menyerahkan pihak HDC mengadakan perbincangan dengan kumpulan Kasturi di Indonesia, tetapi tidak ada apa-apa hasil daripada perbincangan kali ini kerana ketika itu Thai berada didalam pertukaran kerajaan.

**Kemunculan kumpulan BRN**

Puan Jiraporn menceritakan lagi bahawa semasa Samak Suntharawat dan diikuti Somchai Wongsawat menjadi Perdana Menteri, tidak menyentuh langsung tentang soal masalah di wilayah selatan, maka pihak HDC pun tidak meneruskan lagi proses ini, tetapi pihak Ustaz yang pernah menarik diri dalam perbincangan dahulu tidak berdiam diri, mereka pergi berbincang dengan kumpulan BRN dengan mengatakan bahawa satu lagi jalan keluar atau solusi yang mungkin dapat digunakan ialah dengan melalui proses perdamaian.

Puan Jiraporn ceritakan bahawa Ustaz tersebut telah berbincang dengan 5 orang wakil kumpulan BRN tetapi hanya seorang sahaja yang melihat bahawa perbincangan untuk perdamaian mungkin ini satu pilihan. Sementara pihak kerajaan Thai sendiri juga mula ada perbincangan tentang pentingnya diadakan proses damai terutama dari pihak senator daripada wilayah sempadan selatan, demikian juga kumpulan akademik, media massa dan pergerakan sosial.

**Tawee Sodsong dan Thaksin Chinnawatra**

“pada tahun 2009 saya dan kumpulan daripada King Prajadhipok's Institute (KPI) telah mengadakan perbincangan bersama seorang Ustaz dan Doktor yang telah disebutkan diatas, yang mana saya memanggilnya sebagai Track 1.5 dan saya mempercayai bahawa proses perbincangan ini tidak boleh diberhentikan. Oleh kerana itu, saya melihat bahawa Track 1.5 termasuk Track 2 dan Track 3 akan membantu supaya Track 1 dapat berjalan dengan lancar”.

Seterusnya beliau menjelaskan bahawa perbincangan kali ini dimulai selepas beliau mulai bekerja dalam Track 1.5 secara berterusan, sehingga ia merasakan bahawa perbincangan untuk perdamaian dalam Track 1 sudah sampai masa untuk dimulai, kerana pegawai kerajaan dan organisasi pergerakan atau pejuang sendiri telah melalui banyak kesangsaraan akibat daripada kekerasan yang berlaku.

Pada tahun 2011, Tawee Sodsong timbalan setiausaha agong Kementerian Keadilan dijangkakan akan bertugas sebagai setiausaha SBPAC yang baru, dan kumpulan King Prajadhipok's Institute (KPI) pergi berjumpa dengan Tawee dan mencadangkan idea perbincangan untuk perdamaian yang mana pihak kerajaan Thai harus menunjukkan isyarat-isyaratnya terlebih dahulu untuk berbincang, dan pihak Tawee sendiri bersetuju dengan cadangan ini.

“Saya kira mungkin Tawee telah menceritakan hal ini kepada Thaksin, sehingga Thaksin langsung pergi ke Malaysia dan ia menjadi titik permulaan bagi proses damai dalam sejarah baru kali ini seperti mana yang kita lihat di media massa”.

Puan Jiraporn menceritakan lagi bahawa, sebelum perbincangan diadakan polis perisikan (SB) Malaysia telah menjemput wakil-wakil kumpulan pergerakan untuk bertemu dengan Thaksin, yang mana jumlah orang yang menjumpai Thaksin adalah mengikut seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Malaysia iaitu wakil daripada BRN, PULO dan BIPP.